

## **KAJIAN KES APLIKASI *DHARURIYYAT, HAJIYYAT DAN TAHSINIYYAT(DHT)* DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN KETIKA KAUNSELING KELUARGA DAN PERKAHWINAN**

(Case Study on the Application of Dharuriyyat, Hajiyat, and Tahsiniyyat (DHT) in Decision Making During Family and Marriage Counselling)

**Mohd Suhadi Bin Mohamed Sidik, Mohd Noor Bin Saper, & Nurul ‘Ain Mohd Daud**

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Corresponding author: \*juppri@fpm.upsi.edu.my*

Received : 19 Jun 2017; Accepted : 10 October 2017; Published : 28 December 2017

### **Abstrak**

Kertas kerja ini akan mengemukakan hasil dapatan berdasarkan kajian kes yang dilakukan oleh pengkaji ke atas sesi kaunseling untuk melihat proses membuat keputusan berdasarkan konsep *dharuriyyat, hajiyat* dan *tahsiniyyat* (DHT) dalam kaunseling keluarga atau perkahwinan. Kaedah kajian adalah secara kualitatif dengan menggunakan protokol pemerhatian terhadap tiga sesi pemerhatian sesi kaunseling bagi tujuan pengumpulan data. Data telah dianalisis dengan menggunakan Model 3C Lichthman (2006). Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi konsep DHT dalam kaunseling keluarga atau perkahwinan ini dilaksanakan dengan menumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang berkisar kepada penentuan tahap keperluan atau keutamaan sesuatu perkara atau tindakan berdasarkan kepada tahap *dharuriyyat, hajiyat* dan *tahsiniyyat* khusus untuk memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta diri, pasangan dan ahli keluarga demi melahirkan kesejahteraan hidup yang holistik.

**Kata kunci**      *Kaunseling; kaunseling keluarga; psikologi; dharuriyyat; hajiyat; tahsiniyyat; maqasid syariah.*

### *Abstract*

This paper will present the findings based on case studies to see the decision-making process by using the concepts of dharuriyyat, hajiyat and tahsiniyyat (DHT) in family counseling or marriage. The study employed a qualitative method and using the observation protocol for three counseling session for data collection purposes. Data were analyzed by using the Model 3C Lichthman (2006). Data analysis shows that DHT concept applications in family counseling or marriage are implemented by focusing on determining the level of need or prioritization of a action based on the degree of dharuriyyat, hajiyat and tahsiniyyat specifically in determining wellness and quality of the life of clients and family holistically.

**Keywords**      *Counseling; family counseling; psychology; dharuriyyat; hajiyat; tahsiniyyat; maqasid syariah*

## PENGENALAN

Ikatan perkahwinan antara suami dan isteri adalah satu aku janji bagi pasangan menunaikan tanggungjawab bersama dan secara khusus mengikut peranan yang telah ditetapkan dalam agama. Dalam Islam, setiap peranan atau peraturan yang wujud berhubung dengan hal ehwal perkahwinan dan kekeluargaan adalah untuk memelihara *maslahah* ahli keluarga yang terlibat (Jasser Auda, 2014). Justeru sesuatu keputusan terutamanya yang melibatkan hal ehwal kekeluargaan atau penceraian antara suami isteri adalah sesuatu yang kritis kerana sebarang keputusan yang akan memberi kesan yang besar kepada pasangan tersebut serta kepada ahli keluarga yang terdekat (Fariz Sakina Abdullah, 2013). Ini bermakna, sesuatu keputusan itu boleh dinilai terlebih dahulu tentang tahap keperluannya kerana ia melibatkan kesan dan akibat terhadap kehidupan. Tahap keperluan dalam menentukan sesuatu tindakan atau keputusan itu dibahagikan kepada tiga peringkat atau darjah iaitu *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*. Yusuf al-Qardhawi (2011) telah menjelaskan bahawa *dharuriyyat* adalah sesuatu keadaan sekiranya sesuatu keperluan itu tidak dapat dipenuhi akan menyebabkan kemusnahan aspek utama kehidupan seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebaliknya *hajiyat* adalah sesuatu keadaan yang tanpanya, aspek-aspek berkenaan mungkin boleh dipelihara, tetapi keadaannya sukar dan berat manakala *tahsiniyyat* pula adalah perkara yang menjadi pelengkap untuk keselesaan kehidupan dan jika tanpanya, keadaan tidak akan menjadi mudarat kepada seseorang individu tersebut.

## PENYATAAN MASALAH

Fenomena penceraian dalam kalangan pasangan Islam di negara ini semakin meningkat dan membimbangkan. Statistik dari Jabatan Kehakiman Syariah mengenai data penceraian dalam kalangan pasangan Islam telah melaporkan bahawa terdapat 156 pasangan Islam bercerai pada setiap hari dari tempoh Januari hingga Ogos 2015 (KOSMO, 21 Januari 2016). Menurut sumber tersebut, penyebab penceraian dalam kalangan pasangan Islam ini adalah berpunca daripada masalah ketiadaan persefahaman, pasangan yang tidak menunaikan tanggungjawab, campur tangan keluarga dan masalah kewangan.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor pula menyatakan bahawa fenomena kes penceraian yang meningkat dalam kalangan pasangan muda Islam antaranya disebabkan pasangan tersebut tidak memahami maksud (*maqasid*) sebenar sesbuah perkahwinan (Sinar Harian, 21hb Mac 2016). Justeru, pasangan yang berkonflik perlu dibimbang dalam membuat keputusan dalam sesi kaunseling agar keputusan yang diambil itu adalah wajar dan sesuai dengan kehendak syarak. Pendekatan agama yang berorientasikan *maqasid syariah* seperti penggunaan aplikasi *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* (DHT) demi menjaga aspek utama kehidupan mampu menjadi mekanisme dalam membantu klien membuat keputusan yang sesuai serta mendatangkan kebaikan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat supaya suami isteri dan ahli keluarga mencapai kesejahteraan hidup yang holistik.

Perkembangan atau perubahan pendekatan dan kecenderungan klien ke atas unsur agama dan spiritual sama ada di barat dan dunia Islam khasnya telah menuntut agar diberikan perhatian ke atas kaedah agama dan spiritual dalam intervensi kaunseling. Hal ini memandangkan bahawa kaedah konvensional didapati telah gagal untuk melihat secara holistik dan sempurna dalam membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah klien. Justeru timbul pendekatan-pendekatan yang berorientasikan pendekatan ini, namun pendekatan yang ada hanya signifikan dalam menangani tekanan yang dihadapi oleh klien (Graham, Furr, Flowers & Burke, 2001).

Dalam konteks pendekatan agama dan spiritual berorientasikan Islam, kajian-kajian dan penemuan-penemuan dari ilmuwan Islam dalam lapangan kaunseling dan psikoterapi juga hanya berkisar kepada aspek kognitif, pengamalan ibadah dalam Islam, membuang sifat-sifat mazmumah (buruk) dan mengisinya dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji), namun tidak ada lagi kajian mengenai aplikasi kaedah *maqasid syariah* dan penggunaan kaedah *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsniiyyat* dalam proses membuat keputusan. Pada hal perkara yang kritikal dalam proses membuat sesuatu keputusan itu hendaklah mengambil kira *maqasid syariah* yang bertujuan untuk menjaga 5 elemen utama dalam kehidupan iaitu pemeliharaan aspek-aspek utama dalam kehidupan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti bentuk aplikasi DHT dalam proses membuat keputusan dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan.

## TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan terhadap pendekatan agama dan spiritual dalam kaunseling keluarga di dalam dan luar negeri, didapati bahawa bacaan dan kajian tentangnya masih terhad. Di barat, pendekatan yang dinamakan sebagai genogram spiritual digunakan untuk mengenal pasti isu-isu dalam agama dan spiritual yang berlaku dan digunakan untuk membantu klien untuk memperoleh perspektif baru mengenai spiritual atau agama yang diwarisi agar dijadikan sebagai panduan dalam membuat keputusan atau mencontohi amalan-amalan yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu (Frame, 2000). Pendekatan ini telah diambil dari salah satu teknik dalam Terapi Sistem Keluarga Bowen yang telah diperkenalkan oleh Murray Bowen (1978). Penggunaan genogram spiritual melibatkan empat langkah iaitu dimulai dengan pembentukan genogram spiritual, mengemukakan soalan untuk refleksi lanjut, menghubung kait dengan seseorang dalam keluarga yang asal dan yang akhirnya ialah mengintegrasikan ke dalam sesi terapeutik secara keseluruhannya. Dengan menggunakan kaedah lakaran dalam genogram spiritual ini, klien boleh melihat secara menyeluruh latar belakang ahli keluarga dalam aspek sikap, moral, aktiviti yang tidak bermoral, isu-isu penyalahgunaan, nilai, tahap penghayatan dalam beragama, sistem kepercayaan dan acara-acara keagamaan yang pernah dilakukan dalam sesebuah keluarga.

Pendekatan agama dan spiritual dalam Islam seperti Kognitif ad-Din yang diperkenalkan oleh Othman Mohammad (2005), *Tazkiyah an-Nafs* oleh Salasiah H. Hamjah (2008) dan Modul I-Sc oleh Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd. Daud & Norazani Ahmad (2016) serta yang lainnya tidak khusus menumpukan kepada isu-isu tentang kekeluargaan dan perkahwinan. Berdasarkan kepada pendekatan-pendekatan yang ada, tiada satu pendekatan yang secara jelas menjamin pemeliharaan aspek-aspek utama kehidupan manusia seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta seperti yang terkandung dalam *Maqasid Shariah*.

Dalam Islam, prinsip menghadirkan kebaikan (*maslahah*) dan menghindarkan keburukan (*mafsadah*) kepada diri dan orang lain adalah sesuatu yang perlu diambil kira. Al-Shatibi (1996) telah menjelaskan bahawa sesuatu *maslahah* dan *mafsadah* pada dasarnya adalah bersifat relatif (Mahmood Zuhdi, 2012). Ini juga boleh membawa maksud bahawa sesuatu yang menjadi *maslahah* dan *mafsadah* dalam keadaan tertentu dan sebaliknya dalam keadaan yang lain pula dinilai sebagai tidak membawa *maslahah* dan *mafsadah*. Menurut al-Raisuni (1995), *maqasid-al-Syariah* adalah matlamat yang ditentukan oleh syarak untuk dilaksanakan bagi memberi kebaikan kepada hambaNya. Tokoh-tokoh Islam kontemporari Yusuf al-Qardhawi (2011) dan Jasser Auda (2014) telah menyimpulkan bahawa sesuatu tindakan atau perkara yang dilakukan perlu terlebih dahulu melihat kepada kesan-kesan kepada aspek utama dalam kehidupan tersebut bukan hanya kepada diri sendiri tetapi juga pasangan dan ahli keluarga yang lain. Dalam hal ini, mereka telah menekankan tentang penggunaan konsep *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsniyyat* (DHT) dalam menentukan tahap keperluan sesuatu tindakan atau keputusan. Penentuan mengenai tahap keperluan DHT ini tidak dapat dipisahkan dengan tujuan pemeliharaan aspek utama kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Yusuf al-Qardhawi (2011) menyatakan bahawa keperluan menilai keutamaan sesuatu tindakan atau keputusan perlu diteliti kerana setiap keputusan itu bukan hanya memberi kesan kepada diri klien tetapi juga kepada ahli keluarganya. Justeru, elemen yang sangat penting dalam membuat keputusan berdasarkan kepada *fiqh maqasid syariah* itu ialah menentukan tahap keperluan sesuatu perkara melalui mekanisme aplikasi *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*. Al-Shatibi (1996) telah menjelaskan bahawa sesuatu *maslahah* dan *mafsadah* pada dasarnya adalah bersifat relatif (Mahmood Zuhdi, 2012). Ini juga boleh membawa maksud bahawa sesuatu yang menjadi kebaikan atau mudarat dalam keadaan tertentu dan sebaliknya dalam keadaan yang lain pula dinilai sebagai tidak membawa kebaikan dan keburukan atau kerosakan. Penilaian yang bergantung kepada situasi dan berdasarkan kepada prinsip *maslahah* dan *mafsadah* iaitu yang akan menjadi faktor utama perpindahan martabat tahap keperluan DHT ini. Justeru, Perubahan martabat DHT juga boleh berlaku apabila berlaku perubahan sesuatu keadaan terutamanya yang melibatkan prinsip *maslahah* dan *mafsadah*.

Asyraf Wajdi Dasuki dan Nurdiana Abdullah (2007) dalam membincangkan pelaksanaan konsep Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility-CSR) telah menjelaskan bahawa Islam amat mengutamakan kepentingan sosial

atau masyarakat awam berbanding kepentingan individu atau kumpulan khusus. Dalam aspek ini, Islam telah menyediakan satu rangka kerja atau satu mekanisme dalam membuat keputusan dan membuat penyesuaian terhadap sesuatu perubahan yang berlaku terutamanya. pihak pengurusan dalam sesebuah organisasi perlu melihat kepada tiga peringkat pertimbangan dalam melaksanakan sesuatu program dalam aktiviti korporat mereka. Setiap peringkat menggambarkan perbezaan tahap kepentingan dalam memenuhi tanggungjawab sosial. Tahap yang paling dasar adalah tahap *dharuriyyat* iaitu satu tanggungjawab yang paling fundamental untuk dipenuhi berbanding tahap *hajiyat* dan *tahsiniyyat* manakala tahap *hajiyat* adalah dianggap lebih penting berbanding dengan tahap *tahsiniyyat*.

Semakin pergerakan menuju ke atas puncak piramid maka semakin kurang tahap darjah fundamental yang dipertanggungjawab malah berupaya mencapai tahap yang lebih mulia dan kesempurnaan dalam aspek tanggung jawab sosial yang telah dilakukan. Diandaikan bahawa dengan memenuhi keperluan pada tahap yang tertentu, seseorang itu perlu berusaha untuk berada di tahap yang lebih baik dari sebelumnya

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data adalah melalui pemerhatian dan temu bual antara kaunselor dan perunding cara dan klien yang dirakam dalam dua sesi kaunseling. Peserta kajian adalah kaunselor, perunding cara dan suami isteri yang hadir dalam sesi kaunseling yang dikendalikan di pejabat agama daerah dan agensi agama yang mengendalikan perkhidmatan kaunseling. Teknik pensampelan kajian ini pula adalah secara '*purposive sampling*' (sampel bertujuan) iaitu sesi yang dikendalikan oleh seorang kaunselor atau pegawai runding cara bagi membantu pasangan Islam dalam meleraikan konflik perkahwinan mereka.

Rakaman yang dilakukan telah didengar semula untuk pengkaji menulis verbatim terhadap temu bual dalam sesi kaunseling yang berkenaan. Penganalisisan data dilakukan dengan menggunakan kaedah Analisa Data 3C (*ThreeC's Of Analysis*) iaitu '*Coding, Categorizing, Concepts*' sebagaimana yang disarankan oleh Lichtman (2006). Hal ini kerana kaedah ini dapat membantu pengkaji memahami dengan lebih mendalam serta dapat menghayati makna yang terdapat untuk menghasilkan tema sesuatu fenomena dengan lebih berkesan dan tepat.

## PROFIL KES 1

Klien adalah seorang isteri yang bernama Puan Mariah (bukan nama sebenar) yang telah menyatakan hasrat untuk bercerai kerana mendakwa suaminya telah memberi tekanan mental kepada diri dan dua orang anaknya. Pertemuan ini sesi ini adalah sesi kali ke dua secara individu setelah sesi antara kaunselor dan klien serta suaminya pada bulan sebelumnya. Klien juga sedang mengikut pengajian peringkat sarjana di salah sebuah IPTA di Lembah Kelang dan merancang untuk kembali bersama anak-anak ke kampung halamannya di Sarawak sebaik sahaja mereka bercerai.

## **PROFIL KES 2**

Klien adalah seorang isteri yang bernama Puan Masni (bukan nama sebenar). Sesi kaunseling ini telah diadakan tanpa kehadiran suami. Walau bagaimanapun, suami telah hadir pada sesi yang diadakan sebelum ini. Pada sesi ini, klien juga berhasrat untuk memohon penceraian daripada suaminya namun syarat penceraian secara penceraian tebus talak adalah berat bagi isteri untuk membayarnya. Pada akhir sesi, klien juga bersetuju agar diadakan perjumpaan bersama dengan suaminya dalam satu sesi kaunseling yang akan dikendalikan oleh pegawai perunding cara.

## **PROFIL KES 3**

Klien adalah sepasang suami isteri yang masing-masing bekerja sebagai operator kilang bernama Encik Rosli dan Puan Nani (bukan nama sebenar). Mereka telah berkahwin dalam tempoh tujuh tahun dan telah mempunyai dua orang anak. Punca utama konflik adalah isteri telah hilang kepercayaan kepada suami yang dianggap menyukai wanita lain dan telah menggadai barang kemas yang dicuri dari ibunya untuk membayar hutang kenderaan. Pada akhir sesi ini pasangan telah bersetuju untuk mengambil masa terutamanya isteri bagi memikirkan semula keputusan yang ingin dilakukan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan data yang dianalisis, didapati bahawa sesuatu perkara atau tindakan yang diputuskan adalah berdasarkan penentuan keperluan tahap *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* dengan mengambil kira pemeliharaan beberapa aspek utama kehidupan seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta supaya keputusan yang diambil akan membawa kesejahteraan secara holistik di dunia dan di akhirat. Berikut adalah kaedah penentuan tahap keperluan tersebut.

### **Penentuan Tahap Keperluan *Dharuriyyat***

Merujuk kepada pemerhatian ke atas Kes 1, pengkaji mendapati bahawa aspek pemeliharaan akal dan nyawa isteri dan anak-anaknya sebagai tahap keperluan yang *dharuriyyat*. Menurut klien, keputusan yang dilakukan adalah sebagai akibat daripada tindakan suami klien yang tidak mempercayai kejujuran beliau. Tambahan pula suaminya sebagai ayah kepada anak-anak mereka telah mengamalkan cara asuhan yang agak autokratik. Situasi ini menyebabkan isteri dan anak-anak menghadapi tekanan dan gangguan mental yang boleh menyebabkan kemudaratian yang lebih besar kepada fikiran dan keselamatan jiwa. Oleh itu, untuk memelihara kepentingan diri dan anak-anaknya, isteri beranggapan bahawa keputusan penceraian adalah tindakan yang mesti dilakukan supaya risiko yang dinyatakan dapat dielakkan. Klien juga beranggapan bahawa perpisahan akan menghasilkan suasana hidup yang tenang dan menyihatkan akal fikiran. Perkara ini dapat dilihat melalui percakapan klien seperti berikut;

Klien: *Saya rasa tertekan dengan sikap suami saya yang menekan saya mengenai perkara yang sama saja. Saya tak buat. Saya tak curang. Kalau saya nak curang, saya buat dari dulu lagi. Saya dah tak tahan ni. Dengan masalah kerja lagi, dengan assignment lagi. Dengan masalah dan urusan anak-anak lagi. Saya dah serabut dan tak boleh nak fikir dah tak boleh nak 'cope' lagi. Saya sampai nak buat laporan polis sahaja. Saya jadi risau, bila dia tekan saya, jadi berserabut dan saya tak boleh fikir dah.*  
*(Sumber: PK1; 00:11:20(19) 29/9/2016*

Bagi sesi pemerhatian Kes 2, didapati juga bahawa kesejahteraan akal sebagai sesuatu tahap keperluan yang *dharuriyyat*. Hal ini disebabkan cara dan kaedah suami berinteraksi dengan klien telah menyebabkan kebimbangan dan gangguan emosi yang boleh membawa kesan kemudaratan yang lebih besar kepada nyawa, akal dan maruah mengikut penilaian klien. Oleh itu, klien beranggapan mesti membuat keputusan untuk bercerai bagi mengelakkan risiko tersebut. Dalam hal ini, perkara utama pada anggapan klien adalah perpisahan kerana dengan perpisahan, klien dapat mengelakkan kemudaratan ke atas dirinya.

P. Cara : *Sejauh mana keperluan puan untuk membuat keputusan bercerai, Adakah puan rasa itu satu keperluan atau semata-mata emosi dan kata hati puan semata-mata?*

Klien: *Cuba ustaz bayangkan. Macam mana saya nak duduk dengan dia kalau hati saya dah mati untuk dia. Bagaimana saya nak jadi isteri yang baik bila saya dah tak boleh duduk dengan dia.? Dah tu saya dah tak boleh tidur dengan dia. Macam mana dia nak elok dengan saya?*

P. Cara: *Perpisahan adalah sesuatu yang amat perlu?*

Klien: *Ya. Selama hidup dengan dia, tak pernah pun saya rasa senang dan tenang. Saya pun nak rasa senang dan tenang juga. Ini tak. Saya dok dalam lopak tu juga. Tak macam orang.*

P. Cara: *Apa yang puan rasa bila puan berada dalam keadaan tadi?*

Klien: *Saya dok dalam tekanan. Kadang-kadang saya rasa tiba-tiba saya jadi teriak. Saya macam jadi hilang punca. Saya takut lama-lama saya jadi gila sorang-sorang.(Sumber : PK2 23; 00:19:50,(11/10/2016)*

Bagi pemerhatian Kes 3, aspek yang mempunyai hubungan rapat dengan kategori *dharuriyyat* ialah aspek agama dan keturunan. Pengkaji mendapati antara perkara yang diambil kira ialah mengenai penghayatan agama anak-anak klien jika klien sebagai suami dan isteri berpisah. Perkara berhubung dengan masa depan dan sahsiah anak-anak yang menjadi kebimbangan suami jika aspek agama dan pelajaran anak-

anaknya terabai akibat perpisahan tersebut. Kebimbangan suami juga dapat dikesan apabila pernyataan beliau yang membangkitkan kebimbangan terhadap isterinya yang terlibat dalam permasalahan dan keruntuhan agama yang akan menjelaskan kehidupan agama isterinya. Hal ini dapat digambarkan dalam petikan perbualan berikut; -

Klien: *Saya fikir anak-anak. Kenapa nak pisahkan anak-anak dengan ibu bapa mereka? Dia orang nak membesar, mereka perlu kasih sayang dari mak bapak . Kalau berpisah apa akan jadi pada anak-anak? Tidak ada kasih sayang dan saya ini takut bimbang isteri. Bila saya tak ada pun, dia keluar dah tak pakai tudung, hisap rokok. Kalau berpisah, apa nak jadi pada dia? Saya tak nak di akhirat nanti, dia cari saya. Saya nak kita ini jadi lebih baik, bukan patah balik ke zaman jahiliyah. Saya nak sama-sama masuk ke syurga. Saya nak anak-anak saya jadi anak yang baik dan anak yang soleh. Anak saya kedua-duanya lelaki.*(Sumber : PK3: 00:47:43 (27/10/2016)

### **Penentuan Tahap Keperluan Hajiyat**

Keputusan yang akan dilaksanakan juga didapati berdasarkan kepada penentuan keperluan peringkat *hajiyat*. Hal yang dapat dikenal pasti dalam tahap keperluan ini adalah dalam aspek pemeliharaan akal dan harta. Merujuk kepada pemerhatian yang dibuat ke atas Kes 1, proses penentuan tahap *hajiyat* ini dapat dilihat apabila klien menjadikan urusan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana di IPTA yang berhampiran dengan rumahnya sebagai satu kaedah melepaskan dirinya dari tekanan dari suaminya. Sekiranya perpisahan itu telah dapat dicapai, maka pengajian peringkat sarjana bukan lagi menjadi keutamaannya. Hal ini dapat dilihat melalui percakapan beliau seperti berikut;

Klien: *Sebenarnya, saya sambung pelajaran ni pun sebab nak membolehkan saya keluar daripada hubungan ini. Saya tak perlu dia untuk teruskan hidup saya dan anak-anak saya. Saya dah tak nak terikat dengan dia, Saya pun nak keluar dari neraka ini sebab saya nak ke arah syurga. Sekarang ni saya cakap dengan dia, saya duduk dalam neraka.* (Sumber: PK1 19-20; 00:12:8 (19) 29/9/2016

Bagi sesi pemerhatian Kes 2 pula, keperluan untuk mencari pendapatan melalui pekerjaan menjahit untuk menampung keperluan perbelanjaan harian dan tambahan diri dan anak-anaknya. Sekiranya suaminya dapat memberi kewangan yang mencukupi maka tidak akan menjadi hajat kepada klien untuk mencari pendapatan melalui usahanya menjahit langsir dan sebagainya. Perkara ini dapat dilihat melalui rakaman percakapan klien yang berkenaan seperti di bawah ini;

Klien: *Sekarang ini saya menjahit. Hasil dari menjahitlah saya guna untuk beli barang keperluan. Saya tak nafi dia ada bagi juga*

*bila saya minta sangat-sangat. Tapi letihlah saya. Bila dia beli ikan. Dia beli ikan sahaja. Dia tak pernah tanya, gula, garam, kunyit dan lain-lain ada atau tidak.(Sumber : PK2 23; 00:11:30,(11/10/2016)*

Klien: *Ini saya minta duit pada dia. “mailah RM50.00 nak beli barang”. Ni dia jawab terus. “ tak payah, tak payah.. Tudung warna merah tu boleh pakai... tudung tu boleh pakai.” Itu boleh saya terima. Sebab saya dapat duit dari menjahit. Kalau anak nak makan apa, saya cuba kumpulkan duit dari menjahit.(Sumber : PK2 23; 00:36:40,(11/10/2016)*

Klien: *Lepas saya cerai ni tak apalah sebab saya boleh usaha untuk menjahit. Lepas ni saya nak ikut kursus menjahit langsir di Napoh. Tak apalah. Saya sara pendapatan saya melalui cara ini.*  
(Sumber:PK2 23; 00:37:15,(11/10/2016)

### **Penentuan Tahap Keperluan *Tahsiniyyat***

Keputusan yang dilakukan oleh klien juga telah dikenal pasti berada dalam kategori tahap keperluan *tahsniyyat* iaitu satu tindakan bagi memperelok atau menyempurnakan aspek- aspek utama dalam kehidupan. Berdasarkan kepada pemerhatian kes 1, pengkaji dapat memerhatikan bahawa keperluan tahap *tahsniyyat* dalam kes permasalahan klien ini ialah faedah sampingan yang boleh diperoleh terhadap aspek akal seperti keseronokan anak-anak klien bila mereka berpindah ke kampung iaitu tinggal bersama dengan keluarga klien. Hal ini dapat dilihat dalam percakapan beliau iaitu;

Klien: *“Cuma anak saya kata nak pindah ke ####. Sebab saya tahu anak saya takut duduk dengan ayahnya. Kalau anak-anak saya tinggal di #####, Anak saya yang sulung \*\*\*\* tanya bila dia boleh bersekolah di ##### dan kalau boleh pindah terus ke sana. Saya rasa anak saya ini dah boleh fikir. Anak saya yang kedua \*\*\*\*\* akan ikut saya. Mereka suka sebab mereka akan di layan dengan ayah saya, adik-adik saya dan mak saya compared dengan di sini ayahnya tidak ambil perhatian pun”.(Sumber: PK1 19-20; 00:14:43(20) 29/9/2016*

Dalam pemerhatian sesi Kes 2 pula, aspek harta pula dapat dilihat dalam percakapan klien mengenai cadangan anaknya agar mereka berpindah rumah ke suatu tempat yang mudah bagi dirinya memperoleh pekerjaan setelah tamat peperiksaan SPM. Keperluan untuk berpindah rumah adalah lanjutan penceraian dengan suaminya. Kesempatan ini boleh digunakan oleh klien dan anaknya untuk memulakan kehidupan yang baru dan memperoleh pekerjaan kepada mereka. Hal ini dapat dilihat seperti rakaman percakapan berikut;

Klien: “Ya. Anak akan jadi ok. Anak pernah kata pada saya; “Mak duduk macam ini dengan abah, kita nak keluar pun jadi takut-takut. Kalau mak tak duduk dengan abah, kita keluar cari tempat yang lain, kita boleh kerja yang sesuai. Lepas habis SPM ini, marilah kita duduk tang mana-mana. Adik tak boleh duduk sinilah asyik tertekan dengan sikap abah. Adik pun nak kerja. Nak cari kerja sendiri juga”. Emm. Saya nampak lebih baik keadaan anak-anak jika kami berpisah”. (Sumber: PK2 00:50:15, (11/10/2016)

Kesimpulannya, berdasarkan kepada data-data yang dipungut daripada pemerhatian yang dilakukan ke atas sesi kaunseling Kes 1, 2 dan 3 menunjukkan bahawa terdapat tahap-tahap keperluan *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* yang boleh menentukan keutamaan dalam proses menentukan sesuatu keputusan.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada dapatan, pengkaji mendapati bahawa keputusan dalam menentukan sesuatu tindakan atau perkara itu dilakukan berdasarkan penentuan tahap keperluan *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* supaya keputusan yang dihasilkan akan membawa kepada kesejahteraan hidup secara holistik. Hal ini dilakukan setelah klien menilai sebab dan akibat sesuatu perkara ke atas pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Berdasarkan dapatan juga didapati tahap keperluan *dharuriyyat* adalah peringkat yang paling utama berbanding tahap keperluan *hajiyat* dan *tahsiniyyat*. Justeru dalam sesi kaunseling, pengamal kaunseling perlu untuk membimbang klien menilai sesuatu kebaikan dan keburukan apabila melakukan sesuatu tindakan atau keputusan. Hal ini telah dinyatakan oleh Yusuf al-Qardhawi(2011) penentuan sesuatu keutamaan yang dihasilkan melalui penilaian tentang *maslahah* dan *mafsadah* seperti mana yang terkandung dalam *fiqh maqasid syariah*. Selain itu, penilaian yang didasarkan kepada prinsip *maslahah* dan *mafsadah* itu akan menjadi faktor utama kepada perpindahan peringkat keperluan DHT ini. Justeru terdapat keperluan supaya keputusan atau tindakan yang diambil wajar melalui proses mengenal pasti tahap keperluannya berdasarkan tahap keperluan *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* (DHT) dengan menjadikan aspek-aspek utama kehidupan seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai penanda aras dalam menentukan kewajaran atau keutamaan sesuatu tindakan atau keputusan. Hal ini juga adalah selaras dengan konsep yang dikemukakan oleh al-Shatibi tentang *maslahah* dan *mafsadah* apabila melakukan sesuatu tindakan. Al-Shatibi berpendapat bahawa *maslahah* adalah sesuatu dilakukan untuk memelihara perkara-perkara dalam bentuk memperoleh kebaikan dan untuk menghindarkan kemudaratian (Mahmood Zuhdi, 2012).

Berdasarkan kepada apa yang disarankan oleh tokoh ulama' ini, sesuatu keputusan itu boleh dilakukan dengan merujuk terlebih dahulu panduan-panduan atau kaedah-kaedah *fiqh* dalam proses membuat keutamaan. Malah, kaunselor atau

perunding cara boleh membimbing klien untuk menilai keutamaan berdasarkan kepada kaedah-kaedah *fiqhiyyah* yang telah dibahaskan oleh ramai tokoh seperti As-Suyuti (2012) ,Hassan Saleh (1979) dan, Mahmood Zuhdi (2012)

Rumusannya, bagi memastikan sebarang tindakan atau keputusan berdasarkan aplikasi DHT ini dapat dilakukan dengan berkesan, ahli keluarga yang terlibat dalam konflik perlu ditemukan dalam satu sesi supaya memudahkan proses perubahan dilakukan. Dalam sesi kaunseling keluarga dan perkahwinan, aktiviti penstrukturkan ini dilakukan setelah ahli keluarga tersebut berada dalam tahap celik akal. Justeru itu, aktiviti seperti menilai keutamaan, menilai kebaikan dan keburukan ke atas aspek-aspek utama dalam kehidupan, penyampaian maklumat yang betul dan memahami tingkatan keperluan *dharuriyat*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah* telah dapat dikendalikan dengan berkesan dengan bimbingan dari pengamal.

## RUJUKAN

- Ahmad al-Raisuni (1995) *Nazariyatal-Maqasid 'Indaal-Imam al-Syatibi*, Edisi ke-Empat, al-Dar al-Alamiyah Lil Kitab al-Islami, Riyad.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq (1996) *Al-Muawaqat Fi Usul al-Shar'yyah*, Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- As-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman (2012) *Kaedah Usul Fiqh Imam Syafi'i: Al-Asybah Wan Nadhair*. Terjemahan Abu Ezzat al-Mubarak. Perniagaan Jahabersa, Johor Baharu
- Bowen, M. (1978). Family therapy in clinical practice. New York Aronson.
- Faris Sakina Abdullah (2013) Pencercaian dan Perpisahan. Kementerian Kesihatan Malaysia, Diaskses dari <http://www.myhealth.gov.my/index.php/pencercaian-dan-perpisahan-pada-14-Nov-2014>
- Frame, M. W. (2000) The Spiritual Genogram In Family Therapy, *Journal of Marital and Family Therapy*. University of Colorado at Denver. April 2000, Vol. 26, No. 2,211-216
- Graham, S., Furr, S., Flowers, C. & Burke, M.T. (2001). Religion and spirituality in coping with stress [Electronic version]. *Counseling and Values*, 46(1), 2-14.
- Hassan Saleh (1979) *Al-Qawaaid Al-Fiqhiyah* (Prinsip-Prinsip Fiqh Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kota Bharu Pustaka Aman Press.
- Jasser Auda (2014) *Memahami Maqasid Syariah. Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. PTS Publication. KOSMO, 21 Januari 2016
- Lichtman, Marilyn (2006) *Qualitative Research in Education. A User's Guide*, Sage Publications Inc. California
- Lichtman, Marilyn (2010) *Qualitative Research in Education. A User's Guide*, 2nd Edition. Sage PublicationsInc. California
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtar Zaite Abdul Aziz ( 2012) *Maqasid Al-Syariah*, IIUM Press, IIUM Printing Sdn Bhd. Batu Caves, Selangor.

- Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd. Daud & Norazani Ahmad (2016) Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) Ke Atas Pelajar Bermasalah Tingkah Laku. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 9: (June) 2016 .
- Othman Hj. Mohamed. Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan Dalam Kaunseling, edisi ke-2. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2005.
- Othman Lebar (2014) *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim. Perak
- Salasiah Hanin Hamjah & Noor Shakirah Mat Akhir. 2014. Islamic Approach in Counseling. *Journal of Religion and Health* 53 (1): 279-289.
- Salasiah Hanin Hamzah (2008) *Pendekatan Da'Wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali: Satu Kajian Di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Tesis. Univerisiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Sinar Harian, 21hb Mac 2016.
- Yusuf al-Qardawi(2011) *Fiqh Keutamaan (Fiqhul Aulawiyyat)*. Perniagaan Jahabersha, Johor Baharu. Johor Darul Takzim.